

DANA BERKAITAN-PELABURAN LAPORAN PRESTASI DANA

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2014



KANDUNGAN

MUKA SURAT

| | |
|---|---------|
| Utusan Ketua Pegawai Eksekutif | 1 |
| Objektif Dana | 2 |
| Ulasan Pelaburan | |
| HLMT i-Balanced Fund | 3 - 4 |
| HLMT i-Income Fund | 5 - 6 |
| My Steady 10 Plan | 7 - 8 |
| HLMT i-Equity Fund | 9 - 10 |
| Pasaran Ekuiti dan Pendapatan Tetap | 11 - 13 |
| Tinjauan Pelaburan | 14 |
| Maklumat Kewangan | |
| Penyata Aset dan Liabiliti | 15 - 18 |
| Penyata Pendapatan dan Pelaburan | 19 - 20 |
| Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih | 21 - 22 |
| Nota-nota Kepada Maklumat Kewangan | 23 - 30 |
| Penyata Pengurus | 31 |
| Laporan Juruaudit Bebas | 32 - 33 |

UTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

السلام عليكم ورحمه الله وبركاته

Kepada semua pemegang polisi yang dihargai,

Kami dengan sukacitanya membentangkan kepada anda laporan prestasi dana Hong Leong MSIG Takaful Berhad ("HLM Takaful") bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2014. Kami berharap laporan ini berguna dalam membantu anda membuat keputusan pelaburan yang selaras dengan matlamat kewangan anda di masa hadapan.

Pasaran Malaysia agak tidak menentu sepanjang tahun kewangan yang baru berakhir. Tahun ini bermula dengan sentimen negatif apabila Agensi Penarafan Fitch mengubah tinjauannya terhadap Malaysia daripada "stabil" kepada "negatif". Ini diikuti oleh catatan pertumbuhan KDNK suku tahun kedua yang menghampakan sebanyak 4.3% tahun ke tahun, yang menyebabkan Bank Negara mengkaji semula unjuran tahunan KDNK daripada 5-6% kepada 4.5% hingga 5%. Namun sentimen ini pulih menjelang akhir tahun 2013 sejurus pembentangan Bajet 2014 yang telah membantu mengurangkan kebimbangan terhadap ketidakseimbangan dalam ekonomi Malaysia. Walaupun tahun 2014 bermula dengan sentimen negatif, KDNK yang kukuh pada suku pertama tahun ini sebanyak 6.2% telah menarik minat pelabur-pelabur asing terhadap pasaran Malaysia. Indeks KLCI ditutup pada 1,882.71 mata, iaitu peningkatan sebanyak 6.1% berbanding tahun sebelumnya manakala Indeks FBMEmas pula meningkat sebanyak 8.9%.

Meskipun persekitaran kewangan tidak menentu sepanjang tahun ini, kami berbangga untuk menyatakan bahawa bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2014, kesemua Dana-dana Berkaitan Pelaburan kami iaitu HLMT i-Income Fund, HLMT i-Balanced Fund, HLMT i-Equity Fund dan MY Steady 10 Plan, telah mencatatkan pertumbuhan dalam nilai aset bersih seunit. HLMT i-Equity Fund telah mencatatkan pertumbuhan tertinggi sebanyak 8.09%, mengatasi penanda arasnya yang ditetapkan pada 7.24%. Anda boleh mendapatkan laporan terperinci di dalam bahagian ulasan pelaburan di muka surat 3 hingga 13.

Di masa hadapan, kami akan terus berusaha ke arah meningkatkan tahap kehidupan anda dengan memenuhi keperluan perlindungan dan pelaburan anda. Tahun kewangan 2014/2015 merupakan tempoh yang menarik untuk HLM Takaful selaras dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan strategi dalam usaha untuk mengembangkan perniagaan kami. Bagi pihak HLM Takaful, saya mengucapkan terima kasih kerana memilih HLM Takaful sebagai Takaful pilihan anda. Kami amat berbangga memiliki anda sebagai pelanggan kami dan akan terus meningkatkan perkhidmatan kami dan bersama-sama membentuk kejayaan yang lebih besar di masa hadapan.

Wan Mohd Fadzlullah bin Wan Abdullah

Ketua Pegawai Eksekutif

OBJEKTIF DANA

HLMT i-Balanced Fund bertujuan untuk mencapai pendapatan tetap serta pertumbuhan modal jangka sederhana hingga panjang melalui portfolio pelaburan pelbagai yang merangkumi ekuiti dan sekuriti pendapatan tetap.

HLMT i-Income Fund bermatlamat memelihara modal serta mencapai aliran pendapatan tetap melalui portfolio pelaburan yang terutamanya merangkumi sekuriti pendapatan tetap dan sebahagian kecil dalam sekuriti ekuiti.

My Steady 10 Plan merupakan satu dana Pendapatan Tetap 10 Tahun tertutup yang patuh Syariah. Dana ini membayar agihan pendapatan kasar yang dikontrakkan dengan kadar indikatif sebanyak 44.20% dan jumlah prinsipalnya dilindungi sehingga matang pada akhir 10 tahun. Aset-aset utamanya tertakluk kepada kadar Syariah.

HLMT i-Equity Fund bertujuan untuk mencapai pertumbuhan modal jangka panjang menerusi pelaburan di dalam sekuriti syarikat yang tersenarai dan patuh Syariah.

ULASAN PELABURAN

HLMT i-BALANCED FUND


Bagi tempoh kewangan ini, Dana telah mencatatkan pulangan sebanyak 2.51%, lebih rendah daripada pulangan penanda aras sebanyak 6.03%. Ini disebabkan oleh penggunaan pendekatan pelaburan yang konservatif, yang disebabkan oleh saiz dana yang masih kecil. Pada akhir tahun kewangan, 16.93% daripada nilai aset bersih telah dilaburkan di dalam Aset Risiko Rendah, 47.34% dalam PDS Islam dan 20.86% dalam ekuiti patuh Syariah.

Yuran pengurusan dana sebanyak 1.25% dan caj pentadbiran sebanyak RM5 sebulan dikenakan kepada Dana sepanjang tahun ini.

Tiada perubahan dalam objektif pelaburan, strategi, sekatan dan had kepada dana sepanjang tahun ini. Tidak ada pengagihan yang dibuat dan dicadangkan sepanjang tahun ini.

Pada 30 Jun 2014

Perubahan Harga, Pengiraan Diindekskan



ULASAN PELABURAN

HLMT i-BALANCED FUND (SAMBUNGAN)

| Prestasi Dana | | | | | |
|--|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|
| | 2014 | 2013 | 2012 | 2011 | 2010 |
| Jumlah NAB (RM) | 5,886,028 | 5,654,806 | 5,901,259 | 4,122,989 | 4,139,174 |
| Bilangan unit | 4,820,202 | 4,802,939 | 5,174,837 | 3,667,155 | 3,860,240 |
| NAB seunit (RM) | 1.2211 | 1.1774 | 1.1404 | 1.1243 | 1.0723 |
| NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM) | 1.1923 | 1.1795 | 1.1459 | 1.1243 | 1.0723 |
| NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM) | 1.1557 | 1.1414 | 1.1258 | 1.0488 | 1.0145 |
| Jumlah pulangan tahunan | | | | | |
| - Pertumbuhan modal | 2.51% | 2.20% | 1.98% | 3.78% | 3.21% |
| - Pengagihan pendapatan | - | - | - | - | - |
| Purata pulangan tahunan – Dana | | | | | |
| - 1 tahun | 2.51% | 2.20% | 1.98% | 3.78% | 3.21% |
| - 3 tahun | 2.23% | 2.65% | 2.99% | 3.01% | 1.69% |
| - 5 tahun | 3.50% | 3.74% | 3.68% | n/a | n/a |
| Purata pulangan tahunan – Penanda aras (50%FBM ESI+50%GIA) | | | | | |
| - 1 tahun | 6.03% | 7.23% | 3.62% | 9.82% | 2.99% |
| - 3 tahun | 5.61% | 7.14% | 7.71% | 3.53% | 1.60% |
| - 5 tahun | 9.25% | 10.25% | 6.02% | n/a | n/a |

| Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan | | | | | |
|---|-----------|--------|--------|--------|--------|
| | Wajaran % | | | | |
| | 2014 | 2013 | 2012 | 2011 | 2010 |
| Sekuriti ekuiti disebutbarga di Malaysia | 20.99 | 4.33 | 3.99 | 4.80 | 3.52 |
| Sekuriti hutang Islam tidak disebutbarga | 64.68 | 58.46 | 62.93 | 70.10 | 70.80 |
| Deposit dengan institusi kewangan | 14.33 | 37.21 | 33.08 | 25.10 | 25.68 |
| | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 |

| Ekuiti dan komposisi dana amanah mengikut sektor | | | | | |
|--|-----------|--------|--------|--------|--------|
| | Wajaran % | | | | |
| | 2014 | 2013 | 2012 | 2011 | 2010 |
| Perdagangan/Perkhidmatan | 44.50 | 69.19 | 49.42 | 51.77 | 36.61 |
| Barangan industri | 17.31 | 4.26 | 7.54 | 10.88 | 20.99 |
| Pertanian | 3.96 | - | - | - | - |
| Pembinaan | 19.06 | - | - | - | - |
| Hartanah | 15.17 | 26.55 | 43.04 | 37.35 | 42.40 |
| | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 |

| Komposisi sekuriti hutang Islam tidak disebutbarga mengikut sektor | | | | | |
|--|-----------|--------|--------|--------|--------|
| | Wajaran % | | | | |
| | 2014 | 2013 | 2012 | 2011 | 2010 |
| Kerajaan | - | 15.16 | 44.08 | 40.74 | 40.95 |
| Agensi Kerajaan | - | - | 12.82 | - | - |
| Barangan Pengguna | - | - | - | 20.10 | 20.38 |
| Kewangan | 92.16 | 75.74 | 43.10 | 39.16 | 38.67 |
| Pembinaan | 7.84 | 9.10 | - | - | - |
| | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 |

ULASAN PELABURAN

HLMT i-INCOME FUND


Bagi tempoh kewangan ini, Dana telah mencatatkan pulangan sebanyak 1.59%, lebih rendah daripada pulangan penanda aras sebanyak 4.13%. Ini disebabkan oleh penggunaan pendekatan pelaburan yang konservatif, yang disebabkan oleh saiz dana yang masih kecil. Pada akhir tahun kewangan, dana telah dilaburkan sepenuhnya di dalam PDS Islam.

Yuran pengurusan dana sebanyak 1% dan caj pentadbiran sebanyak RM5 sebulan dikenakan kepada Dana sepanjang tahun ini.

Tiada perubahan dalam objektif pelaburan, strategi, sekatan dan had kepada dana sepanjang tahun ini. Tidak ada pengagihan yang dibuat dan dicadangkan sepanjang tahun ini.

Pada 30 Jun 2014

Perubahan Harga, Pengiraan Diindekskan



ULASAN PELABURAN

HLMT i-INCOME FUND (SAMBUNGAN)

| Prestasi Dana | | | | | |
|--|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|
| | 2014 | 2013 | 2012 | 2011 | 2010 |
| Jumlah NAB (RM) | 2,958,923 | 2,959,334 | 2,941,932 | 2,727,771 | 2,626,926 |
| Bilangan unit | 2,273,146 | 2,335,896 | 2,419,754 | 2,308,030 | 2,338,238 |
| NAB seunit (RM) | 1.3017 | 1.2669 | 1.2158 | 1.1819 | 1.1235 |
| NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM) | 2.5717 | 1.2826 | 1.2171 | 1.1819 | 1.1235 |
| NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM) | 1.2465 | 1.2208 | 1.1861 | 1.0949 | 1.0394 |
| Jumlah pulangan tahunan | | | | | |
| - Pertumbuhan modal | 1.59% | 3.38% | 2.78% | 4.27% | 5.22% |
| - Pengagihan pendapatan | - | - | - | - | - |
| Purata pulangan tahunan – Dana | | | | | |
| - 1 tahun | 1.59% | 3.38% | 2.78% | 4.27% | 5.22% |
| - 3 tahun | 2.58% | 3.47% | 4.09% | 4.26% | 3.04% |
| - 5 tahun | 4.02% | 5.24% | 5.22% | n/a | n/a |
| Purata pulangan tahunan – Penanda aras (20%FBM ESI+80%GIA) | | | | | |
| - 1 tahun | 4.13% | 4.43% | 3.01% | 3.90% | 4.77% |
| - 3 tahun | 3.85% | 4.37% | 4.48% | 1.43% | 3.07% |
| - 5 tahun | 5.79% | 6.00% | 4.53% | n/a | n/a |

| Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan | | | | | |
|---|-----------|--------|--------|--------|--------|
| | Wajaran % | | | | |
| | 2014 | 2013 | 2012 | 2011 | 2010 |
| Sekuriti hutang Islam tidak disebutbarga | 100.00 | 85.05 | 72.18 | 90.24 | 90.17 |
| Deposit dengan institusi kewangan | - | 14.95 | 27.82 | 9.76 | 9.83 |
| | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 |

| Komposisi sekuriti hutang Islam tidak disebutbarga mengikut sektor | | | | | |
|--|-----------|--------|--------|--------|--------|
| | Wajaran % | | | | |
| | 2014 | 2013 | 2012 | 2011 | 2010 |
| Kerajaan | - | - | 25.73 | 21.01 | 20.85 |
| Agensi Kerajaan | 16.93 | - | 4.91 | - | - |
| Telekomunikasi | 9.02 | 36.25 | 49.48 | 41.73 | 41.66 |
| Perdagangan & Perkhidmatan | - | - | - | - | - |
| Infrastruktur | - | 21.65 | - | - | - |
| Barangan Pengguna | - | - | - | 20.58 | 20.75 |
| Kewangan | 74.05 | 42.10 | 19.88 | 16.68 | 16.74 |
| | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 |

ULASAN PELABURAN

MY STEADY 10 PLAN


My Steady 10 Plan merupakan satu dana Pendapatan Tetap 10 Tahun tertutup yang patuh Syariah. Dana ini membayar agihan pendapatan kasar yang dikontrakkan dengan kadar indikatif sebanyak 44.20% dan jumlah prinsipalnya dilindungi sehingga matang pada akhir 10 tahun. Aset-aset utamanya tertakluk kepada kadar Syariah.

Tiada sebarang caj dikenakan terhadap dana sepanjang tahun ini.

Tiada perubahan dalam objektif pelaburan, strategi, sekatan dan had kepada dana sepanjang tahun ini. Tidak ada pengagihan yang dibuat dan dicadangkan sepanjang tahun ini.

Pada 30 Jun 2014

Perubahan Harga, Pengiraan Diindekskan



ULASAN PELABURAN

MY STEADY 10 PLAN (SAMBUNGAN)

| Prestasi Dana | | | | |
|--|-----------|-----------|-----------|------------------|
| | 2014 | 2013 | 2012 | 2011 11 bulan |
| Jumlah NAB (RM) | 3,607,499 | 3,553,868 | 3,643,228 | 3,520,910 |
| Bilangan unit | 3,220,960 | 3,240,600 | 3,338,800 | 3,509,668 |
| NAB seunit (RM) | 1.1200 | 1.0967 | 1.0912 | 1.0032 |
| NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM) | 1.1210 | 1.1390 | 1.0912 | 1.0032 |
| NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM) | 1.0858 | 1.0864 | 1.0032 | 1.0000 |
| Jumlah pulangan tahunan | | | | |
| - Pertumbuhan modal | 2.07% | 9.08% | 0.00% | 0.30% |
| - Pengagihan pendapatan | - | - | - | - |
| Purata pulangan tahunan - Dana | | | | |
| - 1 tahun | 2.07% | 9.08% | 0.00% | 0.30% |
| - 3 tahun | 3.65% | n/a | n/a | n/a |
| - 5 tahun | n/a | n/a | n/a | n/a |
| Purata pulangan tahunan - Penanda aras (20%FBM ESI+80%GIA) | | | | |
| - 1 tahun | 3.46% | 3.15% | 3.20% | 2.78% |
| - 3 tahun | 3.27% | n/a | n/a | n/a |
| - 5 tahun | n/a | n/a | n/a | n/a |

| Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan | | | | |
|---|-----------|--------|--------|--------|
| | Wajaran % | | | |
| | 2014 | 2013 | 2012 | 2011 |
| Pelaburan berstruktur | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 |
| | 100.00 | 100.00 | 100.00 | 100.00 |

ULASAN PELABURAN

HLMT i-EQUITY FUND


Bagi tempoh kewangan ini, Dana telah mencatatkan pulangan sebanyak 8.09%. Pada akhir tahun kewangan, 58.15% daripada nilai aset bersih telah dilaburkan di dalam ekuiti patuh Syariah.

Yuran pengurusan dana sebanyak 1.50% telah dicajkan kepada Dana sepanjang tahun ini.

Tiada perubahan dalam objektif pelaburan, strategi, sekatan dan had kepada dana sepanjang tahun ini. Tidak ada pengagihan yang dibuat dan dicadangkan sepanjang tahun ini.

Pada 30 Jun 2014

Perubahan Harga, Pengiraan Diindekskan



ULASAN PELABURAN

HLMT i-EQUITY FUND (SAMBUNGAN)

| Prestasi Dana | | |
|--|-----------|------------------|
| | 2014 | 2013 10 bulan |
| Jumlah NAB (RM) | 1,934,272 | 1,303,459 |
| Bilangan unit | 1,638,151 | 1,205,476 |
| NAB seunit (RM) | 1.1808 | 1.0813 |
| NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM) | 1.1232 | 1.0813 |
| NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM) | 1.0156 | 1.0004 |
| Jumlah pulangan 10 bulan dana | | |
| - Pertumbuhan modal | 8.09% | 7.97% |
| - Pengagihan pendapatan | | - |
| Purata pulangan tahunan – Dana | | |
| - 1 tahun/10 bulan | 8.09% | 7.97% |
| - 3 tahun | n/a | n/a |
| - 5 tahun | n/a | n/a |
| Purata pulangan tahunan – Penanda aras (80%FBM ESI+20%GIA) | | |
| - 1 tahun/10 bulan | 7.24% | 7.16% |
| - 3 tahun | n/a | n/a |
| - 5 tahun | n/a | n/a |

| Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan | | |
|---|-----------|--------|
| | Wajaran % | |
| | 2014 | 2013 |
| Sekuriti ekuiti disebut harga di Malaysia | 61.91 | 69.02 |
| Deposit dengan institusi kewangan | 38.09 | 30.98 |
| | 100.00 | 100.00 |

| Ekuiti dan komposisi dana amanah mengikut sektor | | |
|--|-----------|--------|
| | Wajaran % | |
| | 2014 | 2013 |
| Perdagangan/Perkhidmatan | 65.42 | 82.35 |
| Hartanah | 10.84 | - |
| Pembinaan | 8.37 | - |
| Infrastruktur | 5.09 | 6.09 |
| Pertanian | 10.28 | 11.56 |
| | 100.00 | 100.00 |

ULASAN PELABURAN

Pasaran Ekuiti

Indeks FBM Syariah (1 Julai 2013 – 30 Jun 2014)



Sumber: Bloomberg

Bagi tempoh kewangan di bawah tinjauan, haluan pasaran ekuiti global telah ditentukan oleh saranan-saranan Rizab Persekutuan AS (Fed) ke atas hala tuju kadar faedah dan penirusan program pembelian semula bon. Pasaran juga terdedah kepada ketidaktentuan di mana data makroekonomi mendapati bahawa beberapa ekonomi utama yang baru muncul yang sebelum ini memiliki potensi kuasa ekonomi seperti China dan India, kini menghadapi masalah fundamental yang semakin merosot, dan ini memberi kesan terhadap pertumbuhan ekonomi global.

Malaysia pula telah memulakan tempoh dalam kajian dalam keadaan mundur ekoran tindakan Bank Negara Malaysia (BNM) memperkenalkan peraturan pinjaman yang lebih ketat untuk mengekang peningkatan hutang isi rumah yang telah meningkat kepada 83% daripada keseluruhan KDNK. Sentimen negatif ini kemudian diburukkan lagi apabila Agensi Penarafan Fitch telah mengubah tinjauannya terhadap Malaysia daripada "stabil" kepada "negatif". Penurunan taraf ini telah dipandang secara negatif oleh pasaran sedunia kerana ia berpotensi menaikkan kos pinjaman di negara ini dan mengakibatkan perubahan arah aliran dana. Pertumbuhan KDNK suku tahun kedua juga menghampakan dengan catatan 4.3% tahun ke tahun, mendorong BNM untuk menurunkan unjuran tahun penuh KDNK daripada 5-6% kepada 4.5% hingga 5%. Walau bagaimanapun, menjelang akhir September 2013, meskipun terdapat kebimbangan terhadap keadaan politik Syria, sentimen pulih berikutan pengumuman data ekonomi yang menggalakkan dari China, Jepun dan persekitaran Eurozone.

Keyakinan para pelabur semakin meningkat menjelang akhir tahun 2013 disebabkan prestasi cemerlang KLCI menjelang pilihan raya umum UMNO dan pengumuman Bajet 2014. Secara khususnya, pembentangan Bajet 2014 telah membantu meredakan beberapa kebimbangan awal berkaitan ketidakseimbangan ekonomi Malaysia terutamanya defisit bajet dan mengurangkan kerisauan akaun semasa yang timbul dengan pengumuman Cukai Barangan & Perkhidmatan (GST) yang akan dilaksanakan pada Mei 2015. Langkah rasionalisasi subsidi juga telah dibentangkan yang membuktikan lagi keutuhan kerajaan dalam menangani perbelanjaan fiskal. Langkah-langkah ini serta minat ke atas bursa tempatan berikutan kejayaan penyenaiaan 2 badan korporat berkualiti iaitu UMW Oil & Gas dan Westports telah membantu KLCI mencatatkan pencapaian tertinggi baru.

ULASAN PELABURAN (SAMBUNGAN)

Pasaran Ekuiti (Sambungan)

Walau bagaimanapun, tahun 2014 bermula dengan keadaan negatif menyaksikan pembalikan semula keuntungan yang dicapai pada bulan Disember kerana pasaran dibimbangi dengan berita penamatan kemudahan kuantitatif (QE), masalah ketidaktentuan perantaraan bank dan perbankan bayangan di China, peningkatan kadar faedah yang terlanjur di dalam negara-negara membangun utama seperti Turki, India dan Afrika Selatan serta ketegangan politik yang semakin meningkat di Ukraine.

Sentimen bursa tempatan kemudiannya bertukar dan kembali jitu apabila KDNK suku pertama 2014 mencatatkan pencapaian +6.2% tahun ke tahun, menjangkau unjuran konsensus didorong oleh eksport dan perbelanjaan pengguna yang kukuh. Ini telah menarik minat pelabur-pelabur asing untuk kembali ke pasaran Malaysia, dan seterusnya mencatatkan pencapaian indeks baru tertinggi iaitu 1892.33 mata pada 24 Jun. Pasaran juga dibantu oleh komen-komen yang dibuat oleh Bank Pusat Eropah bahawa mereka akan membentuk suatu dasar monetari yang akomodatif, pendirian ini juga telah diguna-pakai oleh Bank of Japan, menandakan bahawa tempoh likuiditi tinggi akan berterusan meskipun terdapat kekangan Fed.

Bagi pasaran serantau, prestasi bursa-bursa Asean tidak menentu dengan Indonesia dan Thailand hanya mencatatkan peningkatan sebanyak 1.24% dan 2.33% masing-masing bagi tempoh dalam kajian. Kedua-dua pasaran telah terjejas disebabkan isu-isu politik di mana Thailand menghadapi kebuntuan politik manakala Jakarta telah menghadapi persaingan pilihan raya Presiden yang sengit mengakibatkan vakum politik bagi separuh pertama tahun 2014. Di dalam pasaran yang disertai dana HLM Takaful, Hong Kong mencatatkan prestasi terbaik dengan peningkatan 11.48%. Ini adalah hasil daripada prestasi yang lebih baik dicatatkan oleh saham oleh internet dan hartanah berkaitan dengan negara China di mana Presiden China baru, Xi Jinping telah melaksanakan beberapa siri pembaharuan untuk mengubah ekonomi negara China daripada ekonomi berasaskan pelaburan kepada yang berasaskan penggunaan.

Bagi tempoh kewangan berakhir Jun 2014, FBM KLCI ditutup lebih tinggi pada 1,882.71 mata, mencatatkan peningkatan sebanyak 6.1% berbanding tahun lalu manakala Indeks FBMEmas meningkat 8.9% dan tutup pada 13,387.3 mata.

Pasaran Pendapatan Tetap

Tahun kewangan dalam kajian merupakan tahun yang berperistiwa bagi pasaran pendapatan tetap, ianya bermula dengan lemah dengan hasil bon kerajaan Malaysia (MGS) mumusu seiring dengan negara-negara lain di dunia. Ini terutamanya disebabkan oleh jangkaan pengurangan program pembelian aset QE oleh Fed. Dengan ini, pasaran telah meramalkan keluaran modal daripada pasaran baru muncul memandangkan dinamik punca-dan-kesan kemudahan kuantitatif (QE). Seterusnya, muncul tekanan jualan, menyebabkan perluasan lebaran kredit dan pengurangan pasaran likuiditi.

Oleh itu, peserta-peserta asing merupakan penjual-penjual utama dengan jumlah tertinggi dicatatkan pada Julai 2013 berjumlah RM12.3 bilion. Ini kemudiannya bertukar haluan pada bulan Oktober 2013 selepas Fed menangguhkan pelaksanaan penirisan bon untuk memastikan pertumbuhan kekal selepas 3 bulan penurunan pertumbuhan yang diburukkan lagi oleh kelembapan dalam pasaran perumahan Amerika Syarikat. Hasilnya, bon Malaysia sekali lagi menjadi pilihan memandangkan peningkatan prestasinya terhadap kadar AS dijangka akan berterusan untuk masa ini. Oleh itu, Ringgit memusu ke paras tertinggi setahun pada kadar RM3.12 berbanding dolar AS disebabkan oleh aliran masuk belian asing yang kukuh.

Menjelang akhir tahun 2013, hasil kedua-dua bon kerajaan dan korporat didapati meningkat semula berikutan krisis siling hutang AS dan juga penungguan pengumuman penirisan bon oleh Fed. Apabila Fed akhirnya mengumumkannya pada mesyuarat Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan (FOMC) pada Disember 2013 bahawa ia akan mengaup AS10 bilion daripada pembelian bon bulanan yang sedia ada bermula Januari dan mengumumkan lagi bahawa kadar faedah akan kekal rendah untuk seketika panjang, tekanan jualan dalam pasaran bon mula menyusut.

ULASAN PELABURAN (SAMBUNGAN)

Pasaran Pendapatan Tetap (Sambungan)

Walau bagaimanapun, aktiviti jualan muncul semula pada bulan Mac, dicetuskan oleh pengumuman kadar inflasi yang lebih tinggi daripada yang dijangkakan di Malaysia, menunjukkan bahawa BNM akan menaikkan kadar dengan lebih awal. Penjualan aset tertumpu kepada bon-bon jangka pendek ke tempoh sederhana sebelum ia stabil pada bulan April walaupun buat masa yang singkat. Tekanan jualan mula meningkat semula pada bulan Mei dan Jun, berikutan kenyataan agresif oleh BNM dan jangkaan kenaikan kadar yang dijangka berlaku seawal bulan Julai 2014. Ini menyebabkan hasil MGS 3 dan 5 tahun meningkat sebanyak 16 dan 11 mata asas.

Walau bagaimanapun, pegangan asing dalam bon kerajaan Malaysia terus kekal tinggi secara konsisten melebihi 44% sepanjang separuh kedua tahun kewangan. Bagi pasaran hutang swasta (PDS), lebaran kredit diperketatkan pada separuh pertama tahun kewangan tetapi diperluaskan secara meluas dalam separuh kedua. Secara amnya kenaikan kadar hasil PDS diterajui oleh kertas jangka masa sederhana ke panjang merentasi spektrum AAA dan AA.

TINJAUAN PELABURAN

Pada masa hadapan, pasaran ekuiti Malaysia berkemungkinan besar akan ditentukan oleh kekuatan ekonomi global, perubahan dalam jangkaan masa dan kelajuan kitaran kenaikan kadar AS manakala di pasaran tempatan pula, ianya akan ditentukan oleh pertumbuhan pendapatan korporat. Sebagai sebuah negara yang kini berada dalam tahun keempat pelaksanaan pelbagai program ekonomi, pertumbuhan pelaburan berkemungkinan akan kekal teguh. Ini disebabkan oleh projek-projek infrastruktur yang bersaiz besar mempunyai tempoh matang yang panjang.

Walau bagaimanapun, perbelanjaan domestik akan mengalami tekanan pada tahun 2015 disebabkan oleh rasionalisasi subsidi yang berterusan, pelaksanaan GST sebanyak 6% pada bulan April 2015 dan potensi langkah-langkah pengetatan bagi melambatkan pertumbuhan hutang isi rumah. Sebaliknya, kadar simpanan yang tinggi, peningkatan kepenggunaan ekoran demografi golongan muda dan keadaan pasaran kerja yang menggalakkan akan memberikan daya tahan dalam perbelanjaan pengguna. Pemulihan berterusan bidang eksport serta peningkatan ekonomi global juga akan meredakan sebarang kemunduran di dalam pertumbuhan permintaan domestik.

Walaupun ketidakpastian ekonomi pada kadar yang rendah dan aliran likuiditi global yang berterusan, penarafan semula berterusan dalam KLCI mungkin dihadkan oleh penilaian pasaran yang tinggi iaitu pada 16x nisbah harga perolehan bagi tahun 2015 dan momentum pertumbuhan pendapatan korporat yang mundur. Walau bagaimanapun, prestasi dana yang tinggi boleh terus dicapai menerusi ketekunan analisis kerana terdapat syarikat-syarikat tertentu yang masih akan menunjukkan pertumbuhan eksponen yang padu dan masih diniagakan pada penilaian yang munasabah. Kami terus cenderung terhadap saham-saham syarikat-syarikat minyak & gas kerana ianya akan kekal positif dan juga daripada permodalan syarikat-syarikat konservatif yang menawarkan hasil dividen yang menarik.

Bagi pasaran pendapatan tetap, tumpuan masih bergantung kepada hala tuju kadar faedah AS. Kadar inflasi yang dikawal sejak beberapa bulan yang lalu, menerusi pembekalan Perbendaharaan AS dan 'bimbingan masa depan' yang dibentangkan oleh ketua Fed, Janet Yellen telah membantu memulihara Perbendaharaan AS. Walau bagaimanapun, keluk hasil Perbendaharaan AS dijangka beransur lebih curang pada tahun 2015 dengan lebih jualan bersih ke atas kertas tempoh jangka panjang apabila aktiviti ekonomi AS dan ketidakpastian pasaran global mula meningkat. Ini juga akan berlaku seiring apabila Fed dijangka menaikkan kadar kerana buat masa ini mereka masih mengekalkan dasar kewangan yang akomodatif bagi memastikan pertumbuhan yang mampan.

Sebaliknya, kadar keluk bon di Asia dijangka terus mampat terutamanya keluk hasil pada jangka panjang, didorong oleh ketidakpastian yang rendah dan pemburuan hasil memandangkan pasaran nampaknya biasa dengan penirusan bon dan normalisasi hasil berhubung dengan tahap inflasi.

Di Malaysia, kebimbangan disebabkan oleh kesinambungan ketidakseimbangan kewangan telah menyebabkan pasaran menjangkakan potensi kenaikan kadar oleh BNM sebanyak 25-50 mata asas dalam beberapa suku yang akan datang. Di tengah-tengah spekulasi kenaikan kadar, pegangan saham asing dalam MGS juga telah meningkat disebabkan oleh tinjauan Ringgit yang positif.

Dari segi strategi, melangkah ke tahun 2015, kadar hasil bon dijangka tidak menentu kerana ianya tertakluk kepada fundamental ekonomi tempatan dan global yang dinamik dan sangat bergantung kepada kenyataan daripada pelbagai bank-bank pusat. Juga buat kali pertama sejak krisis kewangan tahun 2009, terdapat dasar kewangan yang berbeza di antara bank-bank pusat utama. Walau bagaimanapun, likuiditi yang mencukupi dalam sistem kewangan akan membantu menyederhanakan kesan ini kerana masih terdapat permintaan bagi bon daripada pelbagai dana tempatan. Kami akan terus mengamalkan strategi "purata kos dolar" dengan menyertai terbitan utama yang terpilih serta mengamalkan pembelian selektif dalam pasaran sekunder apabila terdapat penjualan besar-besaran.

MAKLUMAT KEWANGAN

PENYATA ASET DAN LIABILITI

PADA 30 JUN 2014

| | Nota | HLMT i-Balanced RM | HLMT i-Income RM | My Steady 10 Plan RM | HLMT i-Equity RM |
|---|------|--------------------------|------------------------|----------------------------|------------------------|
| ASET | | | | | |
| Pelaburan: | | | | | |
| Sekuriti ekuiti disebutarga di Malaysia | 3 | 1,227,434 | - | - | 1,124,972 |
| Sekuriti hutang Islam tidak disebutarga | 3 | 3,782,727 | 2,961,421 | - | - |
| Pelaburan berstruktur | | - | - | 4,023,653 | - |
| Deposit dengan institusi kewangan | | 838,000 | - | - | 692,000 |
| Jumlah pelaburan | | 5,848,161 | 2,961,421 | 4,023,653 | 1,816,972 |
| Lain-lain aset: | | | | | |
| Aset cukai tertunda | | - | 800 | - | - |
| Pelaburan belum terima | | 19,285 | 17,995 | - | 2,054 |
| Lain-lain belum terima | | - | - | - | 82,525 |
| Tunai dan setara tunai | | 244,199 | 183,348 | - | 47,953 |
| Jumlah lain-lain aset | | 263,484 | 202,143 | - | 132,532 |
| JUMLAH ASET | | 6,111,645 | 3,163,564 | 4,023,653 | 1,949,504 |

PENYATA ASET DAN LIABILITI

PADA 30 JUN 2014 (SAMBUNGAN)

| | HLMT i-Balanced RM | HLMT i-Income RM | My Steady 10 Plan RM | HLMT i-Equity RM |
|--|-----------------------------------|---------------------------------|-------------------------------------|---------------------------------|
| LIABILITI | | | | |
| Liabiliti cukai tertunda | 9,516 | - | 32,772 | 13,507 |
| Liabiliti cukai semasa | 15,391 | 8,000 | - | 1,725 |
| Lain-lain perlu dibayar | 200,710 | 196,641 | 383,382 | - |
| JUMLAH LIABILITI | 225,617 | 204,641 | 416,154 | 15,232 |
| ASET BERSIH HAK PEMEGANG SIJIL | 5,886,028 | 2,958,923 | 3,607,499 | 1,934,272 |
| DIWAKILI OLEH | | | | |
| Nilai unit | 7,002,573 | 2,331,282 | 3,174,601 | 1,867,031 |
| (Kerugian)/pendapatan tidak diagih dihantar ke hadapan | (1,116,545) | 627,641 | 432,898 | 67,241 |
| | 5,886,028 | 2,958,923 | 3,607,499 | 1,934,272 |
| Nilai aset bersih hak pemegang sijil seunit | 1.2211 | 1.3017 | 1.1200 | 1.1808 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting maklumat kewangan ini.

PENYATA ASET DAN LIABILITI

PADA 30 JUN 2013

| | Nota | HLMT i-Balanced RM | HLMT i-Income RM | My Steady 10 Plan RM | HLMT i-Equity RM |
|---|------|--------------------------|------------------------|----------------------------|------------------------|
| ASET | | | | | |
| Pelaburan: | | | | | |
| Sekuriti ekuiti disebut harga di Malaysia | 3 | 246,764 | - | - | 781,870 |
| Sekuriti hutang Islam tidak disebut harga | 3 | 3,327,524 | 2,389,645 | - | - |
| Pelaburan berstruktur | | - | - | 3,942,161 | - |
| Deposit dengan institusi kewangan | | 2,118,000 | 420,000 | - | 351,000 |
